

# **KHIND Sejuta Kenangan Raya 2023**

## **Terma & Syarat Peraduan**

### **1) Penganjur:**

- Peraduan “Sejuta Kenangan Raya 2023” (dirujuk sebagai “Peraduan”) dianjurkan oleh KHIND Marketing (M) Sdn Bhd (dirujuk sebagai “Penganjur”).

### **2) Kelayakan**

- Peraduan “Sejuta Kenangan Raya 2023” terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas (sah dari 15 Mac 2023) kecuali kakitangan KHIND Marketing (M) Sdn Bhd, syarikat-syarikat dalam kumpulannya, agensi pengiklanan atau perhubungan awam serta agensi gabungan termasuk ahli keluarga & pembekal terdekat.
- Sekiranya mana-mana Peserta didapati gagal memenuhi syarat kelayakan semasa Tempoh Peraduan berlangsung atau selepas, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan dan menarik semula hadiah yang dimenangi oleh Peserta berikut, jika gagal, Peserta bersetuju dan bertanggungjawab atas ganti rugi kepada pihak Penganjur untuk kos hadiah. Pihak Penganjur berhak mengambil sebarang tindakan sekiranya perlu kepada Peserta berikut.

### **3) Tempoh Peraduan**

- Peraduan “Sejuta Kenangan Raya 2023” diadakan dari 15 Mac 2023, 12:00:00 pagi sehingga 15 Mei 2023, 11:59:59 malam (dirujuk sebagai "Tempoh Peraduan").
- Penganjur berhak memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Kesemua penebusan yang sah tertakluk kepada ketersediaan stok yang ada.
- Sebarang penyertaan selepas Tempoh Peraduan tidak akan diterima.

### **4) Cara Penyertaan**

- Peraduan terbuka kepada semua pelanggan dengan pembelian yang sah dimana-mana kedai fizikal dan dalam talian atau melalui pengedar sah KHIND. Setiap penyertaan perlu memenuhi syarat pembelian produk-produk KHIND bernilai Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) dan ke atas dalam SATU RESIT TUNGGAL / TERKUMPUL.

- Pembelian berjumlah RM300 layak untuk 1 penyertaan (peluang memenangi cabutan bertuah & hadiah utama) dan 1 penebusan ganjaran e-Tunai.
- Pelanggan BARU yang melanggan program Pelan “Rent To Own” (dengan jumlah bayaran sewa bulanan RM300 dan ke atas) dalam Tempoh Peraduan layak menyertai Peraduan dengan **1 penyertaan** dimana peserta:
  - berpeluang menangi cabutan bertuah dan hadiah utama
  - layak membuat penebusan e-Tunai (1 kali)

Berikut adalah jadual contoh pengiraan jumlah resit/invois dan kelayakan bagi penyertaan serta penebusan:

**CONTOH:**

<b>Jumlah Pembelian</b>	<b>Cabutan Bertuah</b>	<b>Penebusan e-Tunai</b>
RM299.99 dan ke bawah	Penyertaan tidak layak	Penyertaan tidak layak
RM300.00 - RM599.99	1 penyertaan	1 kali
RM600.00 - RM899.99	2 penyertaan	2 kali
RM900.00 - RM1,199.99	3 penyertaan	3 kali
RM1,200.00 - RM1,499.99	4 penyertaan	3 kali
RM1,500.00 - RM 1,799.99	5 penyertaan	3 kali

- Bagi pembelian dalam talian, jumlah resit/invois layak adalah harga selepas potongan dan tidak termasuk kos penghantaran.
- Layari [khind.com.my/sejuta-kenangan-roya](http://khind.com.my/sejuta-kenangan-roya), lengkapkan borang penyertaan digital dan isi semua butiran berikut untuk menyertai:
  - Nama Penuh (seperti yang tertera pada kad pengenalan)
  - Nombor Telefon
  - Nombor Kad Pengenalan (MyKad)
  - Alamat E-mel
  - Alamat Penghantaran
  - Muat Naik Resit/Invois yang jelas dan lengkap
- Hanya penyertaan yang lengkap akan layak untuk penebusan. Peserta hendaklah memastikan butiran yang diberikan dalam borang penyertaan adalah benar, tepat, terkini dan lengkap dengan resit/invois yang sah. Pihak

Penganjur tidak akan melayan sebarang permintaan Peserta untuk sebarang kesilapan yang dilengkapi oleh Peserta dalam borang yang dihantar.

- Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan tanpa notis terlebih dahulu kepada Peserta.
- Peserta perlu memberikan maklumat peribadi yang sah dan lengkap, terutamanya nombor telefon dan alamat e-mel, sekiranya sebarang maklumat lanjut diperlukan dalam proses penebusan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang nama atau alamat penghantaran tidak tepat yang diberikan oleh Peserta.

## 5) Hadiah Peraduan

- Setiap penyertaan berpeluang menangi hadiah dan layak menerima ganjaran penebusan seperti yang berikut:
  - a. Ganjaran Penebusan e-Tunai – 5,000 Peserta terawal yang sah menerima penebusan untuk setiap pembelian RM300:
    - Penebusan e-Tunai diberikan secara rawak RM10/RM20/RM50.
    - Setiap Peserta dibenarkan menebus e-Tunai sebanyak 3 kali sahaja.
  - b. Cabutan Bertuah x10 Pemenang:
    - Barangan KHIND bernilai sehingga RM2,000 bagi setiap pemenang:
      - Air Fryer Oven (AFO1800)
      - Stand Mixer (SM506P)
      - Hand Blender (BH600AS)
      - Robotic Vacuum (VC9X8C)
      - Multifunction Electric Skillet (HP7000)
    - Setiap Peserta akan dilabel mengikut nombor dan cabutan bertuah akan dipilih melalui pemilihan rawak janaan komputer secara digital.
  - c. Hadiah Utama x1 Pemenang:
    - Penginapan 2 Hari 1 Malam di villa peribadi sekitar Lembah Klang. Lokasi spesifik akan dikongsikan secara peribadi kepada pemenang.
    - 10 pek (pemenang bersama 9 ahli keluarga/kawan).
    - Tarikh: 10 dan 11 Jun 2023.

- Masa daftar masuk: 10 Jun 2023, 3:00:00 petang & masa daftar keluar: 11 Jun 2023, 12:00:00 tengah hari.
- Jamuan makan malam akan disediakan oleh Chef Selebriti/ Pemilik Restoran Chef Adu Amran.
- Pihak Penganjur akan menanggung perbelanjaan pengangkutan pemenang seperti yang berikut:
  - Semenanjung Malaysia: Hanya meliputi perbelanjaan tol dan petrol (dikira RM2/kilometer) dari alamat berdaftar pemenang ke lokasi villa secara perjalanan dua hala.
  - Sabah & Sarawak: Hanya meliputi tiket penerbangan perjalanan dua hala untuk 10 pek serta perbelanjaan tol dan petrol (dikira RM2/kilometer) dari lapangan terbang ke lokasi villa secara perjalanan dua hala.
- Cara pemilihan pemenang: 10 pemenang dari cabutan bertuah perlu menjawab soalan khas daripada pihak Penganjur dan perkongsian jawapan paling menarik akan dinobatkan sebagai pemenang hadiah utama.
- Visual hadiah yang dipamerkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah tujuan ilustrasi sahaja dan tidak boleh menggambarkan hadiah yang sebenar.
- Pihak Penganjur berhak untuk menentukan, mengubah atau melanjutkan pengumuman pemenang tanpa memberi sebarang notis.
- Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

## 6) Cara Penebusan

- Peserta akan dihubungi melalui panggilan telefon/WhatsApp atau media lain yang bersesuaian dan diputuskan oleh pihak Penganjur selepas pengumuman pemenang (31 Mei 2023).
- Mengikut butiran yang diberikan oleh Peserta yang sah, penebusan akan dihantar dalam masa enam (6) minggu dari tarikh selepas pengesahan. Penghantaran ke Sabah dan Sarawak akan mengambil masa yang lebih lama bergantung kepada agensi penghantaran. Pihak Penganjur akan menentukan kaedah penghantaran yang paling sesuai.
- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 013-4040 960 (WhatsApp) atau e-mel kepada [campaign@khind.com](mailto:campaign@khind.com).

Tarikh pengumuman pemenang: 31 Mei 2023

Penghantaran : Dalam masa 6 minggu selepas hari pengumuman pemenang

## 7) Terma & Syarat Tambahan

- Semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur mengenai dengan Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan penebusan yang sah (jika ada) adalah muktamad. Pihak Penganjur tidak akan melayan sebarang surat-menyurat atau rayuan.
- Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah penebusan dengan hadiah yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Semua penebusan hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak dapat dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan hanya akan disampaikan kepada penebus yang layak.
- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang penangguhan maklumat dalam sebarang bentuk kepada para Peserta.
- Pihak Penganjur tidak akan menanggung mana-mana perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh Peserta atau Pemenang selain perbelanjaan yang telah ditanggung dalam Peraduan ini.
- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan dan/atau keadaan yang di luar jangkaan yang mungkin melibatkan kecederaan, kecacatan atau kematian Peserta akibat penyertaan dalam Peraduan ini.
- Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menolak mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengganggu mekanik Peraduan, pengendalian Peraduan ini atau melanggar terma dan syarat ini.
- Sekiranya Peraduan ini tidak dapat dijalankan disebabkan alasan apa pun, termasuk tetapi tidak terbatas pada, jangkitan oleh virus komputer, bug, gangguan, campur tangan yang tidak sah, kegagalan teknikal, kegagalan rangkaian komunikasi, kegagalan perkakasan dan/atau perisian, kegagalan penghantaran, kegagalan talian internet dan/atau sebaliknya, pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama dan, pihak Penganjur boleh, dengan atau tanpa notis, melakukan keputusan yang dianggap sesuai termasuk membatalkan dan/atau menangguhkan Peraduan ini.
- Pihak Penganjur, sekutu, anak syarikat, dan ejennya tidak akan bertanggungjawab atas perkara berikut:
  - i. Sebarang kegagalan teknikal;
  - ii. Campur tangan oleh pihak yang tidak dibenarkan semasa Tempoh Peraduan;
  - iii. Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran Peraduan dan memproses penyertaan;

- iv. Sebarang kemasukan data yang hilang, dicuri, rosak, dihantar secara salah atau tidak diterima yang bukan disebabkan oleh kecuaiian atau kemungkiran secara sengaja dari pihak Penganjur.
- Semua Peserta bersetuju untuk memikul tanggungjawab dan bertanggungjawab sepenuhnya sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat atau yang bakal timbul daripada penyertaan mereka dalam Peraduan, proses penebusan dan/atau semasa penggunaan hadiah tebusan yang diperolehi.
  - Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menghentikan, atau menangguhkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan sebelumnya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, atau penangguhan oleh pihak Penganjur, Peraduan tidak akan memberi hak kepada Peserta untuk tuntutan atau pampasan terhadap pihak Penganjur atas sebarang atau semua kerugian atau kerosakan yang dialami, atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung timbul dari atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan, atau penangguhan Peraduan oleh pihak Penganjur.
  - Terma dan syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
  - Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, menambah, atau menghapuskan mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Peserta dan para Peserta bersetuju untuk mematuhi dengan perubahan tersebut. Variasi tersebut dapat disampaikan melalui mod komunikasi yang dianggap sesuai oleh pihak Penganjur.
  - Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, dan menerima bahawa semua keputusan oleh pihak Penganjur adalah muktamad.

## 8) Data Peribadi

- Semua butiran penyertaan yang dihantar untuk Peraduan ini akan menjadi hak milik pihak Penganjur.
- Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan, menerbitkan, mendedahkan, atau menampilkan nama, alamat, gambar, rakaman, butir-butir dan/atau mendokumen semua Peserta untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, tanpa pampasan kepada Peserta (atau jika ada, wakil mereka yang sah).
- Perlindungan data peribadi menjadi perhatian penting bagi pihak Penganjur. Data peribadi yang dikumpulkan dalam borang penyertaan dan sebagaimana yang diberikan oleh Peserta untuk tujuan Peraduan ini akan diproses sesuai dengan Notis Perlindungan Data Peribadi KHIND Marketing (M) Sdn Bhd. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan persetujuannya kepada pihak Penganjur dalam memproses data peribadinya dengan cara yang

dinyatakan dalam Notis Perlindungan Data Peribadi dan membenarkan pihak Penganjur untuk menghubungi Peserta mengenai Peraduan ini. Sekiranya Peserta memilih untuk menerima bahan pemasaran dan komunikasi daripada pihak Penganjur untuk acara, promosi, produk dan perkhidmatan, maklumat, dan aktiviti pemasaran dan promosi yang akan datang, ataupun boleh memilih untuk tidak ikut serta menerima komunikasi tersebut pada bila-bila masa dengan memilih pilihan "berhenti langganan" dalam komunikasi tersebut atau melalui hubungan.

- Peserta bersetuju bahawa pihak Penganjur berhak untuk mendedahkan maklumat Peserta sekiranya pihak Penganjur percaya bahawa pendedahan sedemikian diperlukan untuk mengenal pasti, menghubungi atau membawa tindakan undang-undang terhadap individu yang mungkin menyebabkan kerosakan atau mengganggu (sama ada secara sengaja atau tidak) dengan hak atau harta benda pihak Penganjur, yang boleh menyebabkan sebarang kerugian oleh aktiviti tersebut. Pihak Penganjur juga boleh mendedahkan data peribadi sekiranya diperlukan oleh mahkamah undang-undang atau badan lain yang berkaitan.
- Peserta mungkin menerima mesej promosi yang akan datang daripada pihak Penganjur dimana Peserta boleh memilih untuk tidak ikut serta pada bila-bila masa melalui pautan berhenti langganan dalam mesej promosi itu sendiri.
- Sila rujuk pautan di bawah untuk membaca lebih lanjut mengenai:-  
[Dasar Privasi KHIND Malaysia](#)  
[Akta Perlindungan Data Peribadi 2010](#)